

06/09/2002

Isu bahasa Inggeris: Panel kongres temui PM

Tamrin Anuar

TANJUNG MALIM, Khamis - Jawatankuasa Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu akan menemui Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak lama lagi untuk menyuarakan pandangan dan usul berhubung penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran Sains dan Matematik tahun depan.

Pertemuan itu antara lain bertujuan mencapai kesepakatan berkaitan pelbagai isu dan pandangan berbangkit berikutan pelaksanaan pengajaran kedua-dua mata pelajaran itu dalam bahasa Inggeris bagi murid tahun satu, pelajar tingkatan satu dan empat.

Ketua II Gabungan Penulis Nasional (Gapena), Prof Datuk Dr Abdul Latiff Abu Bakar, yang mengetuai jawatankuasa itu akan mengemukakan cadangan dan pandangan ahli gabungan kepada Perdana Menteri berhubung kesan penggunaan bahasa antarabangsa itu dalam pengajaran Sains dan Matematik, di kalangan masyarakat.

Pada dasarnya, beliau berkata jawatankuasa itu tidak bersetuju dengan cadangan berkenaan kerana ia akan membawa kesan buruk, selain boleh menggugat usaha memartabatkan penggunaan bahasa Melayu.

"Kami akan mencadangkan beberapa pendekatan yang boleh dipertimbangkan kerajaan bagi meningkatkan penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar tanpa menjejaskan kedaulatan bahasa Melayu.

"Cadangan menggunakan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar bagi mengajar mata pelajaran berkenaan dianggap satu tindakan berundur ke belakang dan merugikan semua pihak," katanya selepas perasmian Kongres Bahasa dan Persuratan Melayu Keenam, di Universiti Pendidikan Sultan Idris di sini, hari ini.

Kongres anjuran Gapena, Persatuan Linguistik Malaysia dan Persatuan Penterjemah Malaysia itu dirasmikan Tan Sri Muhammad Muhd Taib.

Terdahulu dalam ucapannya, Muhammad yang juga Presiden Sekretariat Melayu Sedunia berkata, secara peribadi beliau menyokong cadangan kerajaan untuk memperluas penggunaan bahasa Inggeris di kalangan pelajar, khususnya anak Melayu.

Beliau berkata, Perdana Menteri melihat era globalisasi memungkinkan penggunaan bahasa Inggeris semakin penting bagi membantu meningkatkan keberkesanan, terutama dalam urusan perniagaan, pentadbiran serta komunikasi.

"Kita harus sedar, selain memperkukuh penguasaan bahasa Melayu di kalangan pelajar, mempertingkatkan penggunaan bahasa Inggeris atau bahasa lain seperti Jepun, Perancis dan Arab adalah perlu kerana ia akan menambah ilmu pengetahuan seseorang, sekali gus sejajar dengan tuntutan agama.

"Oleh itu, pelajar perlu mengambil peluang meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris dengan tidak mengabaikan bahasa ibunda dalam usaha mengejar ilmu pengetahuan yang banyak ditulis dalam bahasa berkenaan," katanya.

Sepanjang kongres sehari itu, enam kertas kerja dibentangkan iaitu Bahasa Melayu dan Era Globalisasi oleh Prof Emeritus Tan Sri Ismail Hussein; Pengisian Bahasa Melayu dan Kesan Penggunaan Bahasa Inggeris Dalam Pengajaran Sains dan Matematik di Institusi Pendidikan di Malaysia (Dr Awang Sariyan); Politik Melayu dan Martabat Bahasa Melayu (Prof Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid); Bahasa dan Pembinaan Tamadun Bangsa (Prof Dr Abdullah Hassan) dan Pengajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Melayu (Prof Dr Sahrir Mohd Zain).